

Dalami al-Quran di Masjidilharam

RH, M/S 61
21/1/19

➔ Jemaah perlu rebut peluang belajar dengan guru di Tanah Suci

Juga harus menggunakan masa yang ada di Tanah Suci itu untuk lebih mendalami ilmu al-Quran di kelas bimbingan yang ada di Masjidilharam.

"Selalunya selepas selesai mengerjakan umrah, ramai jemaah mengambil peluang berjalan di sekitar Masjidilharam, selain ada yang mengambil kesempatan membeli-behah.

Oleh Mohd Aizat

Shamsuddin
mohdaizat@bh.com.my

Jemputan sebagai tetamu ke bumi Makkah seharusnya dimanfaatkan sebaik mungkin supaya mendapat keberkatan haji dan umrah, peluang harus digunakan untuk memperbanyakkan amal ibadah yang lain.

Sepanjang berada di Masjidilharam sudah tentu peluang digunakan sepenuhnya untuk bersolat, tafiq, membaca al-Quran dan zikir.

Ketua Pegawai Eksekutif Alfikrah Group, Zulkifli Esa, berkata, jemaah

Peroleh keberkatan

"Sepatutnya jemaah mengambil peluang memperbanyakkan amal ibadah, selain menggunakan masa sepenuhnya untuk meningkatkan penguasaan al-Quran daripada aspek sebutan, tajwid, lajih arab dan qiraat.

"Malah, al-Quran juga diturunkan di Makkah menjadikan banyak keberkatan diperoleh apabila mendalami ilmu berkatannya di sana," katanya.

Zulkifli berkata, semua pihak perlu merebut peluang ini untuk mendalami al-Quran secara talaghi, selain mentashih dan menyamak bacaan al-Quran mereka dengan guru atau sheikh dari-



Jemaah perlu menggunakan masa sepenuhnya untuk meningkatkan penguasaan al-Quran daripada aspek sebutan, tajwid, lajih arab dan qiraat"

Zulkifli Esa,
Ketua Pegawai Eksekutif Alfikrah Group



pada Masjidilharam.

Malah, bagi guru dan pelajar tahfiz, inilah peluang untuk mendapatkan ijazah sanad yang dikeluarkan pihak Masjidilharam.

Terdapat tujuh program ditawarkan, iaitu program halagah al-Quran Al Haramain Assyarifain, tahfiz al-Quran al Haramain Assyarifain, bahasa al-Quran Al Haramain Assyarifain, ujian Hafazan al-Quran al Haramain Assyarifain, Ijazah (Sanad) al-Quranul Karim,

Ijazah (Sanad) al-Quranul Karim dengan Qiraat 10 daripada Syatibi dan Durrah dan Ijazah Kitab Mu-zakkirah Tajwid.

Sijil tanda galakan

Lebih menarik, pihak Masjidilharam turut memberikan sijil penghargaan kepada peserta yang mendaftar, selain mendapat hadiah sebagai tanda galakan.

"Peserta yang menghafal 30 juzuk al-Quran dengan ingatan yang

kuat diuji-alukan untuk menyertai ujian hafazan al-Quran yang dilaksanakan pihak Masjidilharam.

"Mereka yang berjaya dalam ujian tersebut akan mendapat sijil pengiktirafan hafazan al-Quran daripada pihak Masjidilharam, sekaligus mendapat pengiktirafan antarabangsa

"Program sebegini dapat meningkatkan motivasi mereka dan penghargaan bagi anak yang berjaya menamatkan hafazan," katanya.

Zulkifli berkata, pelajar tahfiz juga berpeluang mendapatkan Sijil Tahfiz al-Quran Masjidilharam menerusi sesi ujian dijalankan secara dalaman talian.

"Peserta boleh memilih menjelani ujian di Makkah bersama program lain yang dilaksanakan. Sebagai tambahan, peserta berpeluang mengikuti program halagah al-Quran di Masjidilharam.

"Selain itu, peserta juga boleh memilih menjalani ujian di tanah air yang dilaksanakan secara dalaman talian yang mana tarikh dan lokasinya akan ditetapkan oleh penganjur.